

# ASEAN tolak sebarang bentuk tarif

Dikenakan secara unilateral, langkah itu bercanggah dengan semangat multilateralisme

BANGKOK

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan ASEAN menolak sebarang bentuk tarif yang dikenakan secara unilateral dengan menyatakan langkah sedemikian bercanggah dengan semangat multilateralisme.

Anwar, yang sedang dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke Thailand berkata, beliau berpeluang membincangkan perkara itu dengan rakan sejawatannya dari Thailand, Paetongtarn Shinawatra berhubung tarif baharu yang dikenakan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Beliau berkata, mesyuarat menteri perdagangan dan menteri kewangan ASEAN yang

diadakan baru-baru ini sebahagiannya bertujuan sebagai persiapan bagi rundingan berterusan berkaitan tarif unilateral yang dikenakan oleh AS itu.

"Kita telah membentuk konsensus ASEAN. ASEAN menyokong perdagangan bebas dan multilateralisme. Kita mengambil pendirian bahawa kita tidak bersetuju dengan sebarang penganan tarif secara unilateral, kerana ia bertentangan dengan prinsip perjanjian pelbagai hala," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan kerjanya ke Thailand di sini pada Jumaat.

Menurut Anwar, pendirian ini mencerminkan konsensus kolektif ASEAN berhubung tarif yang dikenakan AS.

Sementara itu, Perdana Menteri berpuas hati dengan pendirian sama yang diambil oleh negara anggota ASEAN dan rakan serantau utama, termasuk Jepun dan New Zealand.

Anwar berkata, beliau berbesar hati apabila Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba; Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon, dan pemimpin ASEAN secara kolektifnya bersetuju untuk



Anwar (tengah) mengadakan sidang akhbar sempena lawatan kerja dua hari ke Bangkok, Thailand pada jumaat.

mengguna pakai mekanisme pelbagai hala dan mengadakan dialog dengan AS.

Dilaporkan bahawa ASEAN dan juga Malaysia jelas menyatakan bahawa mereka tidak akan mengambil tindakan tindak balas terhadap penganan tarif itu.

Pada 3 April, pentadbiran Trump melaksanakan tarif minimum 10 peratus ke atas

import dari semua negara di bawah dasar perdagangan timbal balik dan tarifnya.

Negara anggota wilayah Indochina ASEAN merupakan antara yang paling terjejas akibat tarif itu dengan Kemboja dikenakan gabungan tarif dasar dan timbal balik berjumlah 49 peratus, diikuti Laos (48 peratus), Vietnam (46 peratus), dan Myanmar (44 peratus).

Thailand dikenakan tarif sebanyak 36 peratus, Indonesia 32 peratus, Brunei dan Malaysia masing-masing sebanyak 24 peratus, Filipina 17 peratus, manakala Singapura pada tarif asas 10 peratus.

Bagaimanapun, tarif timbal balik itu kini ditangguhkan sementara selama 90 hari, kecuali tarif yang dikenakan ke atas China. - *Bernama*